

Jangan biar Rukun Negara jadi bahan sejarah usang

LABUAN: Rakyat diseru untuk tidak membiarkan Rukun Negara menjadi bahan sejarah yang usang, tiada nilai, kosong dan tidak diambil peduli.


Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan Dr. Fary Akmal Osman, Rukun Negara bukan hanya menjadi penghias di dinding bangunan atau di buku pelajaran sekolah tanpa dihayati makna yang cuba diangkat sebagai salah satu ideologi kebangsaan.

“Semangat dan penjiwaan Rukun Negara perlu dikembalikan untuk memastikan roh Rukun Negara tidak hilang dan terkubur dalam jiwa rakyat Malaysia terutamanya dalam kalangan generasi muda.

“Rukun Negara adalah kompas rakyat Malaysia tidak kira kaum ataupun agama dalam berfikir dan bertindak agar tidak sesekali hanyut dalam arus ideologi luar yang tidak mengikut acuan Malaysia,” katanya.

Jelasnya, Rukun Negara adalah peraturan asas membentuk pasak kenegaraan atau falsafah negara dan bukan hanya untuk dihafal atau diikrarkan.

“Rukun Negara perlu dit-



JALUR GEMILANG: Rithuan (tiga kiri) menyampaikan Jalur Gemilang kepada wakil agensi kerajaan.

erapkan dalam kehidupan seharian warganegara Malaysia kerana ia sangat relevan dalam menangani krisis negara tidak kira ancaman dari dalam dan luar negara.

“Dengan berpegang teguh kepada prinsip Rukun Negara mampu menjadikan rakyat Malaysia yang bersatu padu, kukuh dan berwibawa bagi menghadapi apa sahaja cabaran,” katanya semasa berucap pada Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2020

Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan, di Auditorium Sekolah Antarabangsa Labuan, semalam.

Menurutnya, pelbagai program disusun atur di peringkat kebangsaan dan negeri bagi mengajak seluruh rakyat menghayati tema ‘Malaysia Prihatin’ seperti Sambutan Ulang Tahun Ke-50 Rukun Negara bermula 9 Julai hingga 16 September, Sambutan Hari Kebangsaan di Kuala Lumpur pada 31 Ogos dan Sambutan Hari Malaysia di

Sibu, Sarawak pada 16 September.

“Selain itu, pelbagai pertandingan kenegaraan turut diadakan bagi menyemarakkan semangat patriotisme dan cintakan negara, serta memberi peluang penyertaan kepada semua lapisan masyarakat.

“Antara pengisian lain adalah Info On Wheels Merdeka (IOW Merdeka), Merdeka@Komuniti, Pertandingan Pidato Kenegaraan, Sayembara Puisi Merdeka, Aspirasi



SEMARAK MERDEKA: Peniaga Pasar Sentral menerima Jalur Gemilang daripada peserta konvoi Semarak Merdeka.

Merdeka dan Pertandingan Pengisahan Kenegaraan yang akan diadakan secara berperingkat sehingga 16 September depan,” jelasnya.

Tambahnya, beberapa program juga dilaksanakan di Labuan dengan penyertaan serta kerjasama beberapa agensi antaranya Jabatan Belia dan Sukan, Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional, Majlis Perwakilan Penduduk, Majlis Sukan Labuan, Persatuan Kayak Labuan dan beberapa agensi serta pertubuhan lain.

“Melalui kerjasama itu, Jalur Gemilang sudah merenati perairan Labuan menerusi Program Merdeka@Kayak, Jalur Gemilang juga berkibar megah di puncak Bukit Merinding menerusi Hiking@Merdeka, komuniti kampung juga disuntik dengan elemen patriotisme menerusi Program IOW Merdeka dan anak-anak pewaris negara turut diasuh dengan semangat cintakan negara dengan pertandingan mewarna serta nyanyian koir lagu patriotik.”

katanya.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan Rithuan Mohd Ismail.


Pada program itu, turut diadakan pengedaran Jalur Gemilang oleh Konvoi Semarak Merdeka dari Jabatan Penerangan bersama beberapa agensi kerajaan lain dan Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) di beberapa lokasi terpilih di sekitar bandar Labuan. — Penerangan Labuan



PELEPASAN: Rithuan menyempurnakan pelepasan konvoi Semarak Merdeka.



KIBAR MEGAH: Jalur Gemilang berkibar megah.



KENANGAN: Para peserta konvoi Semarak Merdeka bergambar kenangan di Laman Victoria sebelum mengedarkan Jalur Gemilang.

